



Rujukan : UKM KPD/262/3

Tarikh : 10 Januari 2018

Semua Pelajar
Program Prasiswazah
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

MAKLUMAT PENTING PENDAFTARAN SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2017-2018

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 2 Sesi Akademik 2017-2018 akan **bermula pada 12 Februari 2018**.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

PERKARA	BUTIRAN
PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2017-2018	Pelajar yang telah membuat pendaftaran awal boleh menyemak kursus yang telah didaftarkan di SMPE. Manakala bagi pelajar yang tidak membuat pendaftaran awal, boleh mendaftar kursus dalam tempoh tambah kursus bermula 12 Februari 2018 . Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan.
CAJ LEWAT MENDAFTAR	Bagi pelajar yang masih tidak membuat pendaftaran selepas tempoh tambah kursus tamat akan dikenakan caj sebanyak RM50 seperti yang terdapat di dalam Peraturan Am Kewangan PKP.

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 5585/5609 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: noorsuzilawatidesa@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>

<p>DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR</p>	<p>Pelajar akan diberikan status “DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR” jika tidak membuat pendaftaran sehingga selewat-lewatnya pada 17 Mac 2018.</p>
<p>JADUAL PERKULIAHAN</p>	<p>Jadual perkuliahan akan dipaparkan di laman web PKP selewat-lewatnya seminggu sebelum sesi perkuliahan bermula. Pelajar juga dinasihatkan sentiasa menyemak jadual kuliah untuk makluman terkini.</p>
<p>PEMBAYARAN YURAN</p>	<p>Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran tertunggak dan semasa. Sila buat pembayaran yuran sekurang-kurangnya 50% daripada yuran semester sebelum atau pada 27 Januari 2018.</p> <p>Pelajar yang mempunyai penaja, sila serahkan surat daripada penaja ke Bahagian Kewangan PKP jika belum berbuat demikian.</p> <p>Pelajar boleh menyemak penyata kewangan menggunakan Portal E-Kewangan.</p>
<p>MUET SEBAGAI SYARAT PENGIJAZAHAN</p>	<p>Pelajar program prasiswazah perlu lulus MUET sebagai salah satu syarat pengijazahan. Bagi pelajar bermula Sesi Kemasukan 2013-2014 yang memperolehi keputusan MUET yang dikeluarkan sebelum tahun 2009, perlu mengambil semula MUET kerana telah tamat tempoh sah laku. Pelajar perlu mendapat keputusan MUET sekurang-kurangnya band 1.</p> <p>Bagi pelajar di bawah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) Sesi Kemasukan 2014-2015, pelajar perlu memperolehi keputusan MUET sekurang-kurangnya Band 2 manakala fakulti lain bermula Sesi Kemasukan 2016-2017.</p>

PENGECUALIAN KURSUS LATIHAN AMALI/INDUSTRI	Pelajar program prasiswazah boleh memohon pengecualian kursus untuk Latihan Amali/Industri. Sila kemukakan permohonan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh fakulti masing-masing melalui PKP . Kelulusan adalah tertakluk kepada fakulti. Status pengecualian kursus boleh disemak di SMPE.
BIODATA PELAJAR DI SMPE	Pelajar juga bertanggungjawab untuk memastikan biodata pelajar di SMPE adalah terkini pada setiap semester.

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada Semester 1 Sesi Akademik 2017-2018.

Selamat maju jaya dalam menghadapi pembelajaran untuk masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



NOOR SUZILAWATI BINTI DESA
Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
b.p. Pengarah

- s.k. - Penyelaras Program
- Ketua Pentadbiran, PKP
- Bahagian Kewangan, PKP